

# Pencalonan 'pemimpin Ahli bebas nyatakan pendapat

BH - 6 MAR 2000

Oleh Nasir Hassan dan Veena Rusli

RANTAU PANJANG. Ahad – Ahli Umno mempunyai kebebasan untuk memberi pandangan berhubung pencalonan seseorang pemimpin dalam pemilihan parti, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas Timbalan Presiden Umno berkata, soal sama ada pandangan mereka itu diterima atau tidak ia terserah kepada ahli.

“Saya tidak nak kata apa dalam perkara ini... nanti kita dikatakan cuba beri nasihat atau tunjuk ajar pula,” katanya pada sidang akhbar selepas perasmian Kompleks Imigresen Rantau Panjang di sini, hari ini.

Majlis perasmian kompleks berharga RM 13.5 juta itu disempurnakan oleh Sultan Kelantan.

Abdullah yang juga Naib Presiden Umno berkata demikian ketika diminta mengulas tiga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri yang juga Menteri Besar, mencadangkan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah dicalonkan merebut kerusi Naib Presiden pada

pemilihan parti, Mei ini.

Ketiga-tiga pengerusi itu ialah Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim; Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan Menteri Besar Kedah, Datuk Syed Razak Syed Zain.

Pengumuman itu dibuat bagi menghentikan khabar angin serta kemelut peringkat akar umbi berhubung isu sokongan terhadap Tengku Razaleigh, malah isu itu dikatakan menjadi punca kejatuhan nilai indeks di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

“Itu kebebasan MB (Menteri Besar). Ahli Umno yang nak bertanding atau yang ada peranan untuk membuat pencalonan... itu pandangan mereka dan mereka boleh buat pandangan itu,” katanya.

Beliau berpendapat, ahli Umno tahu apa yang sebaiknya yang perlu mereka lakukan.

Dalam perkembangan berkaitan, **Berita Harian** baru-baru ini, melaporkan tiga lagi Umno bahagian di Kelantan membuat ketetapan tidak akan mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah untuk

bertanding sama ada bagi jawatan Presiden mahupun Timbalan Presiden pada pemilihan parti itu Mei ini.

Bahagian berkenaan ialah Pengkalan Chepa, Kubang Kerian dan Kuala Krai yang membuat berpendirian bahawa tidak ada tokoh paling layak selain Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden, manakala Abdullah, Timbalan Presiden.

Dengan ketetapan itu, menjadikan lima daripada 14 Umno bahagian di negeri ini tidak berhasrat mencalonkan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan itu bertanding untuk dua jawatan tertinggi parti.

Terdahulu, Umno bahagian Peringat dan Jeli dikatakan turut membuat ketetapan tidak mencalonkan Tengku Razaleigh bertanding dalam mana-mana jawatan tertinggi parti pada pemilihan itu.

Menjawab pertanyaan lain bahawa ada unsur dalaman dan luar Umno yang menekan perwakilan supaya jangan calonkan individu tertentu dalam pemilihan ini, Abdullah berkata: “Inisrkap jarang... ada bukti tunjuklah”.